

Anggota seni Silat Linchah menerima selendang² ijazah

9 AUG 1972

KUALA LUMPUR, Selasa. — Seramai 144 orang ahli silat linchah dari beberapa gelanggang - gelanggang silat di Selangor dan Putrajaya telah berhubung dengan Dewan Kampung Dato Keramat untuk menerima 'ijazah' masing-masing.

Antara peserta-peserta itu terdapat seramai 10 orang wanita dan beberapa orang kanak-kanak.

Setusaha Parlimen Kementerian Penerangan, Enchik Sharif Ahmad, telah menyampaikan 'ijazah-hadiah' dan hadiah-hadiah kepada ahli-ahli yang berjaya.

Enchik Arifin bin Sharif, seorang anggota dari Gelanggang Kolei Pertanian Serdang telah berjaya mencapai peringkat yang kedua darjah Seni Silat Linchah dan menerima Selendang Merah.

Maju lagi

Sementara lima orang lagi telah maju setapak lagi dengan mendapat Selendang Kinning.

Mereka ialah Enchik Wahid Basri dari Pulau Pinang, Enchik Hashim Desa, Enchik Kassim Abbas dan Enchik Osman dan Enchik Abbas Buayang kesemuanya dari Selangor.

Selanjutnya yang di beri khas kepada kanak-kanak sahaja telah diterima oleh Adek Ali bin Jantan, 13 tahun, dan Adek

Oleh NAZAR ABDUL

Ismael bin Alang, 12 tahun.

Selepas menerima 'ijazah-hadiah' dan hadiah-hadiah tersebut peserta-peserta itu telah membaca ikrar taat setia kepada pemimpin-pemimpin dan negara ini.

Pertunjukkan

Kemudian mereka telah mempersembahkan beberapa pertunjukan seni silat linchah yang sangat mengagumkan.

Antaranya ialah 'pertandingan - pertandingan' yang menggunakan keris, parang, pisau, kayu dan sebagainya.

Ahli² silat sendeng diseru patuhi undang²

14 AUG 1972

MUAR, Abad. — Penolong Pegawai Daerah Muar, Tengku Abdul Rahman Idris Almarhum Tengku Temenggong Ahmad menyertai ahli-ahli seni silat supaya menjadkan diri mereka sebagai rakyat yang santiasa mematuhi undang-undang dan berdisiplin.

"Sikap mereka yang selalu berdisiplin mematuhi undang-undang dan berdisiplin patut dipuji dan diiktirafkan," kata Tengku Temenggong Ahmad.

Beliau menyertai demoilan ketika berucap dimajlis khatam silat dari seramai 80 orang anggota pasukan seni silat sendeng, seksi kebudayaan UMNO cabang Parit Jambai 12 baru dari silat baru-baru ini.

Silat

Majlis tersebut dihadiri kira-kira 5,000 orang termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Parit Jawa, Datin Zaharah binti Abdul Majid di Serkolah Jenggis Rendah di situ.

Mengentuh mengenai seni silat sendeng beliau berkata, kesenian seni silat kita samalan kesenian dari negara-negara lain seperti judo, karate dan sebagainya yang dipelajari khusus untuk melindungi diri dan keselamatan diri.

Beliau mengharapkan supaya mereka yang masih mempelajari ilmu silat ini supaya jangan belajar sekuat jalan tetapi hendaklah meneruskannya sehingga tamat.

Sebelum majlis tersebut diadakan satu perarakan dari anggota pasukan tersebut dari rumah ketuanya Enchik Mat bin Hitam, telah diadakan sambutan ke pekan Parti Jamil yang dihadiri oleh maha guru silat sendeng yang terkenal didaerah ini Enchik Abdul Hamid Haji Hamzah PPN.